

Daftar undi penting hadapi pilihan raya '83

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin. — Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustafa Jabar hari ini menganggap pendaftaran mengundi pada tahun ini adalah penting kerana pilihanraya umum akan datang diadakan tidak lewat dari tahun 1983.

Bellau berkata, disebabkan perkara tersebut maka perlulah Bahagian-bahagian dan Cawangan UMNO memberi kerjasama rapat kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

"Ibu pejabat UMNO akan mengeluarkan surat pekeliling mengenai perkara tersebut," kata Datuk Mustafa lagi.

Bellau yang dilantik memegang jawatan Setiausaha Agung untuk penggal kedua oleh Presiden UMNO yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Sabtu lalu menegaskan, bahawa ahli-ahli UMNO hendaklah mengadakan kempen-kempen menggalakkan pendaftaran mengundi.

Suruhanjaya Pilihanraya telah mengumumkan bahawa pihaknya akan mengadakan pendaftaran pengundi baru tahun ini.

Datuk Mustafa menerangkan, setiap individu yang berusia 21 tahun ke atas hendaklah mendaftarkan diri sebagai pengundi.

"Ini merupakan hak mutlak mereka bagi menentukan pucuk pimpinan negara akan datang."

"Mereka janganlah mempersia-siakan hak yang amat penting itu dengan tidak mendaftarkan diri.

Bellau menerangkan setiap individu yang cukup umur 21 tahun mendaftarkan diri bermakna mereka itu mempertahankan sistem demokrasi yang menjadi pegangan sistem pemerintahan negara ini.

Katanya, mereka itu berhak menentukan siapa yang patut dipilih bagi memimpin negara akan datang.

Datuk Mustafa berharap seluruh Bahagian dan Cawangan UMNO akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya dalam menjalankan kempen pendaftaran pengundi yang baru ini.